

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INOVASI
e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021
(e-SPeDIP2021)
Peringkat Kebangsaan
14 – 15 September 2021
<http://www.spedip.com/e-spedip2021>

Tarikh-Tarikh Penting Pertandingan Inovasi:

20 Ogos 2021	Tarikh akhir pendaftaran dan abstrak inovasi
28 Ogos 2021	Tarikh akhir penghantaran Laporan Inovasi (pilihan)
05 September 2021	Tarikh akhir penghantaran Video Inovasi dan Poster
07 – 10 September 2021	Penilaian Inovasi
14 – 15 September 2021	e-SPeDIP2021 berlangsung
15 September 2021	Pengumuman Keputusan Pertandingan Inovasi
20 September 2021	Tarikh akhir peserta membeli medal tambahan
01 Disember 2021	Penghantaran medal kepada peserta

Syarat-syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada semua pensyarah/pegawai pendidikan/guru/pelajar.
2. Lima (5) kategori dipertandingkan iaitu
 - a. IPTA/IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/Tingkatan 6/JPN/PPD/SISC+/SIP
 - b. Guru Sekolah Rendah
 - c. Murid Sekolah Rendah
 - d. Guru Sekolah Menengah
 - e. Pelajar Sekolah Menengah
3. Penyertaan individu atau kumpulan (2 – 10 ahli).
4. Kategori Murid Sekolah Rendah dan Pelajar Sekolah Menengah, sila isikan nama guru pembimbing (maksimum 2 orang) semasa pendaftaran. **e-Sijil Penghargaan** akan diberikan kepada guru pembimbing.
5. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan melakukan pendaftaran secara berasingan.
6. Sebarang projek, produk atau bahan yang berunsur inovasi mesti ada kaitan dengan pendidikan atau penyelidikan.
7. Produk atau inovasi boleh menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
8. Setiap penyertaan inovasi perlu menghantar abstrak inovasi. **Rujuk Template Abstrak Inovasi e-SPeDIP2021** untuk format abstrak inovasi.
9. Inovasi yang pernah menyertai pertandingan di peringkat kebangsaan/antarabangsa **TIDAK LAYAK** menyertai **JIKA** tiada penambahbaikan / naik taraf inovasi tersebut.
10. Pihak penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan sekiranya didapati maklumat yang diberikan tidak benar atau menyalahi hak cipta.
11. Keputusan panel hakim yang dilantik adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
12. Yuran pendaftaran pertandingan inovasi adalah **PERCUMA**.
13. Untuk pendaftaran, sila layari laman web rasmi **www.spedip.com**.

Format Pertandingan:

1. Setiap penyertaan bagi lima (5) kategori dipertandingkan berikut perlu menghantar video pembentangan yang berdurasi **tidak melebihi 10 minit** dan salinan lembut (*softcopy*) poster projek inovasi untuk dinilai oleh panel hakim.
 - a. IPTA/IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/Tingkatan 6/JPN/PPD/SISC+/SIP
 - b. Guru Sekolah Menengah
 - c. Guru Sekolah Rendah
 - d. Pelajar Sekolah Menengah
 - e. Murid Sekolah Rendah
2. Panel hakim akan menilai setiap kategori berdasarkan kandungan persembahan video dan poster yang mengandungi maklumat berkaitan projek inovasi. Keputusan panel hakim yang dilantik adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
3. Video Pembentangan Inovasi dan Poster akan muat naik oleh pihak penganjur di dalam laman web **<http://www.spedip.com/e-spedip2021>** pada 06 September 2021. Ahli pasukan inovasi perlu memberikan respon kepada soalan (jika ada) secara bertulis dalam laman web tersebut.
4. Video pembentangan/persembahan dan poster projek inovasi yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

Garis Panduan Penyediaan Video Pembentangan Inovasi dan Poster Projek Inovasi:

1. Persembahan peserta bagi menyampaikan semua maklumat berkaitan projek inovasi adalah berbentuk penghasilan video dan poster projek inovasi mengikut kreativiti masing-masing.
2. Peserta mestilah menggunakan **alat perakam sendiri** sama ada perakam video / telefon pintar untuk menghasilkan video yang berkualiti agar mudah dinilai oleh panel hakim berdasarkan kriteria penilaian kreativiti dan inovasi yang telah dinyatakan.
3. Format video yang ditetapkan adalah bentuk **.mp4** atau **.mpg** atau **.mov** atau **.wmv** sahaja. Manakala saiz file video pembentangan adalah **tidak melebihi 900MB**.
4. Tempoh masa video adalah **tidak melebihi sepuluh (10) minit**. Tiada penilaian pemarkahan terhadap baki video persembahan yang melebihi tempoh 10 minit (Contohnya: Baki video minit ke 10.01 ke atas tidak akan dinilai).
5. Peserta perlu menghasilkan sebuah poster projek inovasi yang bersaiz A4 (8.27 x 11.69 in) sahaja.
6. Format poster yang ditetapkan adalah bentuk **.pdf** atau **.jpeg** atau **.png** sahaja.
7. Video pembentangan dan poster boleh menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
8. Sila namakan fail softcopy video pembentangan dan poster projek inovasi mengikut Kategori berikut:

Kategori	Kod (Nama fail)
IPTA/IPTS/IPG/IAB/Matrikulasi/ILP/IKBN/ Tingkatan 6/JPN/PPD/SISC+/SIP	Kategori dan Nama Inovasi (3 perkataan pertama nama projek inovasi). Contoh, A SUPERMATH
Guru Sekolah Menengah	B Nama Inovasi
Guru Sekolah Rendah	C Nama Inovasi
Pelajar Sekolah Menengah	D Nama Inovasi
Murid Sekolah Rendah	E Nama Inovasi

9. Video pembentangan dan poster projek inovasi perlu diemelkan ke alamat emel **spedip2021@gmail.com** **selewat-lewatnya pada 05 September 2021**. Jika saiz file video pembentangan projek inovasi terlalu besar untuk dihantar melalui emel, sila upload video tersebut ke dalam google drive atau youtube. Emel link video tersebut ke alamat **spedip2021@gmail.com** untuk membolehkan pihak kami muat turun.

Anugerah dan Pengiktirafan:

1. Semua penyertaan akan menerima satu **Medal** dan **e-Sijil Anugerah** berdasarkan pengiktirafan
 - Medal dan e-Sijil Anugerah Emas
 - Medal dan e-Sijil Anugerah Perak
 - Medal dan e-Sijil Anugerah Gangsa
 - e-Sijil Penyertaan
2. Anugerah Khas
 - Poster Terbaik
 - Produk Inovasi Terbaik Setiap Kategori
3. Medal tambahan boleh dibeli dengan harga RM30.00 se-unit termasuk pos penghantaran **selewat-lewatnya pada 20 September 2021 (Isnin)**. **Pembayaran dibuat kepada**

Nama Akaun : [Koop Maktab Perguruan Sarawak Bhd](#)

Nombor Akaun : [3113841322](#)

Bank : [Public Bank](#)

Recipient's Ref & Additional Info: [Kod Inovasi dan Nama Pembeli](#)

dan seterusnya melengkapkan borang pembelian medal tambahan di laman web <http://www.spedip.com/e-spedip2021>.

Penilaian Video Pembentangan dan Poster Inovasi:

1. Bahan projek mestilah hasil karya asli peserta/kumpulan
2. Pemarkahan adalah berdasarkan **kandungan pembentangan/persembahan video dan poster yang mengandungi maklumat berkaitan projek inovasi**.
3. Video pembentangan/persembahan dan poster/banner projek inovasi akan dinilai berdasarkan tujuh kriteria seperti yang berikut:
 - i. Kreativiti (25 markah)
 - ii. Kesignifikanan (25 markah)
 - iii. Kecekapan (25 markah)
 - iv. Keberkesanan Kos (5 markah)
 - v. Potensi Pelaksanaan (10 markah)
 - vi. Pembentangan (5 markah)
 - vii. Poster (5 markah)

Panduan Penyediaan Laporan Inovasi:

1. Penyediaan laporan inovasi adalah pilihan peserta dan **TIDAK WAJIB**. Walaubagaimanapun, jika peserta memilih untuk menghantar laporan inovasi tersebut, laporan tersebut akan diterbitkan dalam e-Buku Koleksi Inovasi e-SPeDIP2021 dengan ISBN.
2. Kertas dan margin
 - a. Guna kertas bersaiz A4 (8.27" x 11.69").
 - b. Margin 1 inci untuk semua sisi.
 - c. **TIDAK** memasukkan nombor muka surat, *header* dan *footer*.
3. Laporan inovasi yang ditulis adalah karya asli dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua jenis penerbitan.
4. Kandungan laporan inovasi boleh ditulis dalam bentuk berikut:
 - a. Cadangan kandungan laporan inovasi

**TAJUK INOVASI
NAMA AHLI, NAMA & ALAMAT PENUH ORGANISASI DAN EMAIL
ABSTRAK
OBJEKTIF
KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN
MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI
INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN
FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG DIPERKENALKAN
RUJUKAN**

- b. Mengikut format sistem penulisan **APA (*American Physiological Association*)** edisi terkini.
 - c. Semua laporan yang dihantar mestilah asli. Laporan yang telah diterbitkan atau sedang dipertimbangkan oleh penerbitan lain tidak akan dipertimbangkan untuk diterbitkan dalam e-Buku Koleksi Inovasi, e-SPeDIP2021.
 - d. Laporan inovasi ditulis dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**.
 - e. Abstrak inovasi tidak boleh melebihi 250 patah perkataan dengan menggunakan format (**tulisan bentuk *Arial, Italic, Saiz 11 dan Justified***)
 - f. Tiga hingga lima perkataan kata kunci selepas abstrak menggunakan format **tulisan bentuk *Arial, Italic, Saiz 11***).
 - g. Laporan ditaip menggunakan fail **Microsoft Word –compatible** dalam jarak **langkau satu (*single spacing*)**, menggunakan ***Arial* bersaiz 11**.
 - h. Tulis Tajuk Inovasi, letakkan nama penuh semua ahli pasukan (***Arial, : 11 point dan Bold***), nama dan alamat institusi (***Arial, Saiz: 11 point***) berserta e-mel ahli pasukan (***Arial, Saiz: 10 point, italic***) di bawah tajuk.
 - i. Panjang laporan inovasi kurang dari 4000 patah perkataan termasuk rujukan.
5. Laporan inovasi yang dihantar perlu dibuat dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) **MS Word** kepada **urus setia melalui email spedip2021@gmail.com selewat-lewatnya pada 28 Ogos 2021**.

Pertanyaan tentang panduan pertandingan inovasi boleh menghubungi Dr Norsarihan bin Ahmad (019-3603130) atau Dr Hu Laey Nee (019-8149386)

Pihak penganjur berhak melakukan pindaan tertakluk pada ketetapan akhir jawatankuasa penganjur.